

# MAIWP Labuan serah rumah bantuan kepada mangsa kebakaran

Majlis Agama Islam Wilayah Labuan (MAIWP) Labuan menyerahkan mah kepada mangsa kebakaran Jumat Kampung Pohon Batu, pada Rabu.

penyerahan kunci rumah bantuan ini disampaikan oleh Pengurus MAIWP staz Ahmad Saifuddin Md Tahir kepada mangsa kebakaran Jumat Latif 1 majlis ringkas di rumah berkenaan. sama menyaksikan majlis itu, Ketua

Kampung Pohon Batu, Dasuki Haji Zainal dan Ketua Cawangan Umno Pohon Batu, Hariadi Omar.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis penyerahan kunci itu, berkata, pada tahun ini MAIWP telah bersetuju meluluskan peruntukan sebanyak RM60,000 untuk membina sebuah rumah bantuan di bawah Skim Bantuan Membina Rumah kepada mangsa kebakaran Jumat Latif.

Katanya, pada 30 Oktober lalu, Jumat latif bersama isteri dan tiga anaknya tinggal sehelai sepinggang apabila rumah mereka musnah dalam satu kebakaran.

Beliau berkata rumah berukuran 20 kaki lebar dan 30 kaki panjang itu mempunyai tiga buah bilik yang turut dilengkapi sebuah bilik mandi dan ruang dapur yang lebih selesa berbanding bantuan rumah sebelum ini.


"Hari ini MAIWP berbesar hati dapat meny-

erahkan rumah berkenaan yang dilengkapi dengan kemudahan bekalan air dan telektirk kepada keluarga Jumat" katanya.

Sementara itu, Jumat yang tidak mempunyai pendapatan tetap dan hanya bekerja sebagai mekanik berterima kasih kepada semua pihak khususnya kepada MAIWP yang membantu memberikan bantuan rumah. - OLEH JAIN-UDIN DJIMIN (jainuddin@newsabah-times.com.my)



RUMAH .... Bantuan MAIWP yang diserahkan kepada Jumat.



SERAH... Ahmad Saifuddin menyerahkan kunci rumah secara simbolik kepada Jumat (kiri) sambil diperhatikan Dasuki (dua kiri) dan Hariadi (dua kanan).

# MAIWP Labuan serah rumah bantuan kepada mangsa kebakaran

LABUAN: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Labuan menyerahkan sebuah rumah kepada mangsa kebakaran Jumat Latif di Kampung Pohon Batu, pada Rabu.

Majlis penyerahan kunci rumah bantuan MAIWP itu disampaikan oleh Pengurus MAIWP Labuan Ustaz Ahmad Saifuddin Md Tahir kepada ketua keluarga mangsa kebakaran Jumat Latif dalam satu majlis ringkas di rumah berkenaan.

Hadir sama menyaksikan majlis itu, Ketua

Kampung Pohon Batu, Dasuki Haji Zainal dan Ketua Cawangan Umno Pohon Batu, Hariadi Omar.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis penyerahan kunci itu, berkata, pada tahun ini MAIWP telah bersetuju meluluskan peruntukan sebanyak RM60,000 untuk membina sebuah rumah bantuan di bawah Skim Bantuan Membina Rumah kepada mangsa kebakaran Jumat Latif.

Katanya, pada 30 Oktober lalu, Jumat latif bersama isteri dan tiga anaknya tinggal sehelai sepinggang apabila rumah mereka musnah dalam satu kebakaran.

Beliau berkata rumah berukuran 20 kaki lebar dan 30 kaki panjang itu mempunyai tiga buah bilik yang turut dilengkapi sebuah bilik mandi dan ruang dapur yang lebih selesa berbanding bantuan rumah sebelum ini.


"Hari ini MAIWP berbesar hati dapat meny-

erahkan rumah berkenaan yang dilengkapi dengan kemudahan bekalan air dan telektirk kepada keluarga Jumat" katanya.

Sementara itu, Jumat yang tidak mempunyai pendapatan tetap dan hanya bekerja sebagai mekanik berterima kasih kepada semua pihak khususnya kepada MAIWP yang membantu memberikan bantuan rumah. - OLEH JAIN-UDIN DJIMIN (jainuddin@newsabah-times.com.my)



RUMAH .... Bantuan MAIWP yang diserahkan kepada Jumat.



SERAH... Ahmad Saifuddin menyerahkan kunci rumah secara simbolik kepada Jumat (kiri) sambil diperhatikan Dasuki (dua kiri) dan Hariadi (dua kanan).